

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JANUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2

Saya yakin rakyat cerdik - Rafizi

Saya yakin rakyat cerdik – Rafizi

PUTRAJAYA - Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli yakin rakyat boleh menilai usaha yang dilakukan kerajaan dalam mengatasi isu kos sara hidup dan inflasi.

Menurutnya, terpulang kepada blok pembangkang sekiranya mahu memainkan isu tersebut di Parlimen.

"Saya yakin rakyat kita cerdik. Mereka tahu angka dan boleh membandingkan apa yang berlaku pada setahun dua yang lepas," katanya di sini pada Rabu.

Sebagai kementerian yang diamanahkan mengenai hal ehwal ekonomi, Rafizi berkata, tumpuan utama kementeriannya adalah usaha menguruskan harga barang.

"Ada orang bertanya kenapa Kementerian Ekonomi bercerita mengenai harga barang kerana selalunya kementerian ini sibuk tentang cerita projek besar, unjuran 10 tahun dan sebagainya."

"Perkara ekonomi yang paling penting kepada rakyat adalah dua perkara sahaja iaitu harga barang dan gaji," jelas beliau.

Rafizi berkata, biarpun usaha dilakukan kementerian tidak popular dan sering diperlekehkan, namun langkah tersebut memberi kesan besar kepada rakyat.

"Kementerian perlu berkomunikasi dengan rakyat dari satu bulan ke satu bulan supaya rakyat tahu kita sedang mencuba yang terbaik dengan segala apa yang ada," katanya.

Rafizi turut mempertahankan gesaannya agar pengguna menggunakan kuasa pasaran untuk menurunkan harga makanan dan minuman di restoran dan kedai makan.

Beliau berkata, data menunjukkan harga yang dikenakan peniaga makanan, terutama restoran dan hotel, terus meningkat walaupun kos bahan mentah di pasaran telah stabil.